

CNS0530

U GB 10-04 00142 BA838

aab

Mahathir - Sabah

KERAJAAN CAMPURAN PBS-USNO TAK LAMA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan campuran Parti Bersatu Sabah (PBS)-Usno tidak dapat bertahan lama.

Katanya, Presiden Usno Datu Amirkahar Tun Datu Mustapha, yang dilantik hanya sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan, nampaknya tidak mendapat jawatan yang diidamkan dalam Kabinet negeri itu.

Ini merupakan ulasan yang pertama Dr Mahathir mengenai kerajaan campuran PBS-USNO itu, yang dibentuk Rabu lepas, setibanya di lapangan terbang dari Jeddah selepas mengerjakan umrah.

Dr Mahathir, yang diiringi Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, sebelum itu melawat Uzbekistan dan Iran selamalaman hari.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata terpulanglah kepada Dewan Tertinggi BN untuk membuat keputusan sama ada mahu menyingkirkan Usno. -- Lagi

▼10/04/11-04MST

CNS0541

U GB 10-04 00192 BA843

aab

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

"Umno berpendapat mereka tidak sesuai berada dalam BN," katanya.

Menurut beliau pendirian itu akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, Isnin ini.

Dr Mahathir berkata, para pemimpin Usno yang menyertai kerajaan campuran itu mementingkan diri sendiri dan bukan sebenarnya mahu berkhidmat untuk Sabah, "jauh sekali untuk negara".

Selain Amirkahar, Setiausaha Agung Usno, Askalani Abdul Rahim dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan manakala dua lagi anggota Dewan Undangan Negeri Usno, Pitting Mohd Ali dan Mohd Said Senang masing-masing, memegang jawatan Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan serta Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Mereka anggap menjadi wakil rakyat ialah peluang baik untuk mencari makan, malah lebih daripada itu mereka hendakkan kekayaan, tempat, gelaran dan sebagainya," kata Perdana Menteri, sambil menegaskan orang seperti itu tidak dikehendaki dan tidak sesuai untuk BN.

"Bagi saya, apa yang berlaku amat baik sekali kerana kita dapat menentukan mana yang ikhlas dan mana yang tidak," kata Dr Mahathir yang menerima rombongan anggota-anggota dewan undangan negeri Usno diketuai Amirkahar untuk menyatakan sokongan kepada BN di pejabatnya pada 23 Feb lepas. -- Lagi

▼10/04/11-39MST

CNS0559

U GB 10-04 00161 BA846

bah

Mahathir - Sabah 3 Kuala Lumpur

Enam Anggota Dewan Undangan Negeri Usnoterdiri daripada Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafee (Lumadan), Aklee Abbas (Sukau), Nasir Tan Sri Sakaran (Sulabayan), Karim Bujang (Bongawan), Hajiji Mohamed Nor (Sulaman) dan Datu Ismail Datu Jook (Balong) sudahpun menyertai Umno minggu ini.

Sambil menyifatkan pemimpin-pemimpin Usno yang bekerjasama dengan PBS itu seperti "katak yang selalu melompat dan lalat yang sentiasa terbang mencari makanan", Dr Mahathir berharap rakyat Sabah terutama penyokong Usno akan tahu jenis orang yang mereka pilih.

Katanya, beliau tidak terperanjat dengan tindakan mereka itu kerana dari awal lagi "telah berasa syak".

Semasa pertemuan dengan anggota-anggota dewan undangan negeri Usno itu, Dr Mahathir berkata mereka membuat bermacam-macam sungutan kononnya tidak mendapat peruntukan dan peluang berniaga bagi mencari perbelanjaan untuk kawasan pilihan raya.

"Saya fikir tidak perlu hendak ada berjuta-juta ringgit dan perniagaan untuk menjadi wakil rakyat walaupun di Sabah," katanya. -- Lagi

▼10/04/12-00MST

CNS0585

U GB 10-04 00137 BA853

aab

Mahathir - Sabah 4 Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai Amirkahar yang telah memohon dan diterima sebagai anggota Umno, Dr Mahathir berkata apa yang berlaku menunjukkan betapa Amirkahar tidak mempunyai pendirian.

"Dia menandatangani borang untuk menjadi ahli Umno dengan tidak menjelaskan bahawa pada masa yang sama dia sedang membuat perhubungan dengan PBS.. orang yang semacam ini nampak sekali tidak boleh dipercayai," katanya.

Xetika ditanya pula mengenai kesahihan kerajaan campuran itu dalam kedudukan Amirkahar sebagai anggota Umno, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat mengulas dari sudut itu tetapi berpendapat kerajaan campuran itu tidak akan lama.

Mengenai kenyataan Amirkahar kononnya kedudukan Usno dalam BN cuma "melukut di tepi gantang", Dr Mahathir berkata ia hanya merupakan alasan.

"Alasan sebenar" tak dapat peluang, tak dapat kontrak...itu saja," katanya. -- Lagi

♥10/04/12-36MST

CNS0587

U GB 10-04 00165 BA854

aab

Mahathir - Sabah 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub, yang berada di lapangan terbang, berkata Pendaftar Pertubuhan sedang menyiasat kemungkinan ada anggota-anggota Majlis Tertinggi Usno yang pada masa sama menjadi anggota Umno.

"Kalau Amirkahar diterima menjadi ahli Umno, maka gugurlah dia sebagai ahli Usno dan tak adalah dia menjadi Presiden Usno," katanya.

Rabu lepas, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 6 Mac telah meluluskan permohonan Amirkahar dan nombor keanggotaannya ialah 01915410.

..Menurutnya, Pitting dan Said juga diterima sebagai anggota Umno.

Sementara itu, Umno Bahagian Parit Buntar dalam mesyuarat khasnya semalam mendesak pucuk pimpinan Umno dan BN menyingkirkan Usno kerana menyertai kerajaan campuran itu.

"Tindakan itu tidak bermaruah daripada segi politik setiakawan dalam BN," kata ketuanya Datuk Abdul Raman Suliman, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam kenyataan kepada Bernama. -- B e r n a m a

AZZ AHH MIB